

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 16.01.2026 MASA: 4.30PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PROGRAM "WAKALAH MBSP: REZEKI DIKONGSI
BARAKAH DICAPAI"

TARIKH / MASA / TEMPAT

**20 JANUARI 2026 (SELASA)
10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis

Encik Ooi Yong Wooi

Encik Zainuddin Bin Mohamed

Encik Muhamad Suzuki Bin Ahmad

YBhg. Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Siti Haslinda Binti Hasan

Pengarah Sumber Manusia Merangkap Penyelaras Program

"Wakalah MBSP : Rezeki Dikongsi Barakah Dicapai"

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh keberkatan ini dalam sebuah majlis yang bukan sekadar bersifat rasmi, tetapi sarat dengan nilai kemanusiaan, keprihatinan dan kasih sayang, iaitu **Program “Wakalah MBSP: Rezeki Dikongsi, Barakah Dicapai”**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada **Pusat Zakat Negeri Pulau Pinang** atas kepercayaan yang diberikan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melalui penyaluran **peruntukan Skim Wakalah Zakat** hasil potongan gaji bayaran zakat kakitangan MBSP bagi tahun 2024, berjumlah **RM39,494.28**.
3. Kepercayaan ini bukan sekadar soal angka dan peruntukan, tetapi satu **pengiktirafan terhadap keupayaan MBSP untuk mengurus amanah zakat dengan penuh integriti, telus dan berhemah**, demi memastikan ia sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Sebagaimana firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya.”

(Surah An-Nisa', ayat 58)

4. Saya juga ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan** kepada **Jabatan Sumber Manusia MBSP** serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini, atas pelaksanaan yang **teratur, berintegriti dan penuh amanah**. Inilah wajah sebenar budaya kerja MBSP; **profesional dalam tugas, berjiwa besar dalam kebajikan**.

Hadirin yang dihormati,

5. Program Wakalah MBSP ini adalah **manifestasi keprihatinan sosial organisasi**, yang berpaksikan prinsip bahawa **kekuatan sesebuah institusi bukan hanya diukur melalui pencapaian fizikal dan kewangan, tetapi juga melalui keupayaannya menjaga kebajikan insan yang menggerakkannya**.
6. MBSP amat menghargai sumbangan dan pengorbanan setiap warga kerja. Justeru, apabila terdapat dalam kalangan kita yang diuji dengan cabaran kehidupan, maka menjadi tanggungjawab bersama untuk **menghulurkan tangan, menguatkan semangat dan menyuntik harapan**.

7. Untuk makluman semua, seramai **131 orang penerima bantuan** telah dikenal pasti dalam kalangan kakitangan MBSP yang tergolong sebagai asnaf, melibatkan kategori **keberhutangan serius, masalah kesihatan, serta keperluan sokongan persekolahan anak-anak.**
8. Saya memahami bahawa di sebalik senyuman dan komitmen kerja harian, ada kisah perjuangan hidup yang tidak selalu dizahirkan. Justeru, saya berharap agar sumbangan ini **bukan sahaja meringankan beban kewangan, tetapi juga menjadi suntikan semangat, sinar harapan dan bukti bahawa saudara-saudari tidak pernah bersendirian.** Sesungguhnya, apabila rezeki dikongsi dengan ikhlas, **barakah akan mengalir bukan sahaja kepada penerima, malah kepada seluruh organisasi.**

Hadirin yang saya hormati,

9. Saya amat berharap agar inisiatif seperti ini **dapat diteruskan dan diperkukuhkan** pada masa hadapan, selaras dengan aspirasi **Penang2030 dan Malaysia MADANI,** yang menekankan kesejahteraan, ihsan dan kemampanan sosial. Marilah kita bersama-sama membina MBSP sebagai sebuah organisasi yang **cemerlang dari sudut pentadbiran, unggul dari sudut penyampaian perkhidmatan, dan mulia dari sudut nilai kemanusiaan.**
10. Akhir kata, saya mendoakan semoga segala usaha murni ini mendapat ganjaran besar di sisi Allah SWT, dan semoga MBSP terus

diberkati, dipermudahkan urusan serta dipelihara keharmonian dalam kalangan warganya.

Sebagaimana doa yang diajarkan dalam Surah Al-Baqarah, ayat 201:

“Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat serta peliharalah kami daripada azab neraka.”

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.